

## TERMA DAN SYARAT Kempen Pelan Pascabayar UNI5G untuk Penjawat Awam

Terma dan Syarat bagi **Kempen Pelan Pascabayar UNI5G untuk Penjawat Awam** (“Kempen”) hendaklah dibaca bersama dengan *General Terms and Conditions for Unifi Mobile Postpaid* (“Unifi Mobile T&C”) yang boleh didapati di [www.unifi.com.my](http://www.unifi.com.my) (tertakluk kepada perubahan terma di masa hadapan). Sekiranya terdapat percanggahan terma, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. TM berhak untuk merubah, menggantung, memadam atau meminda terma Kempen ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.

### 1. UMUM

- a) **Kempen Pelan Pascabayar UNI5G untuk Penjawat Awam** (“Kempen”) ini berlangsung dari **15 Ogos 2024 sehingga 31 Disember 2024** (“Tempoh Kempen”). Walaubagaimanapun, sepanjang Tempoh Kempen, atas budi bicara tunggal dan mutlak, TM boleh melanjutkan Tempoh Kempen tanpa notis terlebih dahulu (“Tempoh Lanjutan”). Sebarang penyertaan dalam Kempen sepanjang Tempoh Lanjutan (jika ada) akan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, yang akan terus berkuat kuasa dan hendaklah dibaca bersama.
- b) Kempen ini kini dibuka kepada:
  - i. Semua penjawat awam berstatus lantikan tetap atau kontrak kerajaan persekutuan;
  - ii. Semua penjawat awam berstatus lantikan tetap atau kontrak kerajaan negeri;
  - iii. Semua anggota tentera yang masih berkhidmat di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
  - iv. Anggota polis yang masih berkhidmat dibawah Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- c) Kempen ini terpakai kepada pelanggan baru port-in mudah alih korporat atau mudah alih rasmi korporat (“Pelanggan”) dan berjaya yang memenuhi semua kriteria yang dinyatakan di bawah:

| Pelan Individu Korporat (CIP)   | Pelanggan Rasmi Korporat (CCP)  |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas;</li> <li>ii. Tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana pengendali mudah alih lain;</li> <li>iii. Terhad kepada satu (1) pendaftaran setiap NRIC (dokumen pengenalan) semasa Tempoh Kempen.</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mendaftar di bawah syarikat menggunakan Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN);</li> <li>ii. Tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana pengendali mudah alih lain.</li> </ol> |

- d) Pelanggan perlu menunjukkan Kad Pengenalan Tentera, Kad Kuasa Polis atau Kad Pengenalan Awam semasa pendaftaran Kempen. Sekiranya pelanggan tidak mempunyai

Kad Pengenalan Tentera atau Kuasa Polis, surat pengakuan dengan cap rasmi dari Jabatan adalah diperlukan.

## 2. TAWARAN KEMPEN

- a) Kempen ini adalah untuk pelan Pascabayar UNI5G 39 dan Pascabayar UNI5G 69 yang dilengkapi dengan pelan mudah alih bersama data, SMS dan panggilan tanpa had. Tawaran Kempen ini adalah seperti berikut:

| <b>Nama Pelan</b>                 | <b>Pascabayar UNI5G 69</b>                        |
|-----------------------------------|---|
| Komitmen Bulanan                  | <b>RM55 untuk 24 bulan</b>                        |
| Kuota Data 5G                     | Tawaran Masa Terhad: 5G tanpa had selama 24 bulan |
| Kuota Data 4G                     | 60GB  |
| Hotspot Bulanan                   | Dihadkan pada 60GB (had Kuota Data)               |
| Panggilan Suara (Semua Rangkaian) | Panggilan Tanpa Had                               |
| SMS (Semua Rangkaian)             | RM0.15 /SMS                                       |
| Bayaran Pendahuluan               | RM69 untuk Pelan Individu Korporat (CIP)          |
| Tempoh Kontrak                    | 24 bulan Tempoh Langganan Minimum (MSP)           |
| Had Kredit                        | RM250   |

| <b>Nama Pelan</b>                 | <b>Pascabayar UNI5G 39</b>               |
|-----------------------------------|--|
| Komitmen Bulanan                  | <b>RM25 untuk 24 bulan</b>               |
| Kuota Data 5G                     | 30GB                                     |
| Kuota Data 4G                     | 30GB                                     |
| Hotspot Bulanan                   | Dihadkan pada 30GB (had Kuota Data)      |
| Panggilan Suara (Semua Rangkaian) | Panggilan Tanpa Had                      |
| SMS (Semua Rangkaian)             | RM0.15 /SMS                              |
| Bayaran Pendahuluan               | RM39 untuk Pelan Individu Korporat (CIP) |
| Tempoh Kontrak                    | 24 bulan Tempoh Langganan Minimum (MSP)  |
| Had Kredit                        | RM140                                    |

- b) Pelanggan Individu Korporat dikehendaki membayar bayaran pendahuluan sebanyak RM39/RM69 apabila melanggan Kempen dan jumlah ini akan dikreditkan untuk mengimbangi bil pertama Pelanggan.
- c) Tiada bayaran pendahuluan diperlukan untuk Pelanggan Rasmi Korporat.

## 3. LANGGANAN KEMPEN

Kempen hanya tersedia untuk langganan di:

- i. Jerayawara Individu Korporat;
- ii. Program Langsung dengan Jabatan Sumber Manusia (HR) Syarikat Korporat.

#### 4. PENAMATAN

- a) Sekiranya TM mendapati langganannya itu dimanipulasi atau dikompromi untuk Kempen ini, TM mempunyai hak budi bicara untuk menarik balik atau membatalkan langganannya. Semua keputusan adalah muktamad dan tidak ada rayuan. Selanjutnya, TM mempunyai hak untuk menamatkan pelan tanpa notis terlebih dahulu tanpa hak untuk merayu daripada Pelanggan.
- b) Sekiranya berlaku penamatan awal semasa MSP, Pelanggan akan dikenakan bayaran penamatan awal berdasarkan baki bulan kontrak. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Pelan Komitmen Bulanan X Baki Tempoh Kontrak  
[RM55 X 12 bulan = RM660]

#### 5. VARIASI

TM berhak untuk meminda, memotong, mengubah atau menambah terma dan syarat Kempen pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.

#### 6. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Terma dan Syarat ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif.

#### 7. LAIN –LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan dengan Kempen boleh disalurkan kepada TM Live Chat di <https://Unifi.com.my/chat/index.html>, tweet @Unifi, media sosial di <https://facebook.com/weareUnifi> atau hadir ke Unifi Store/TMPoint berhampiran.

#### 8. KEUTAMAAN DOKUMEN

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, *General Terms and Conditions for Unifi Mobile Postpaid*, *General Campaign Terms and Conditions* dan *Terms of Use*, susunan keutamaan berikut akan digunakan:

- i. Kempen Pelan Pascabayar UNI5G untuk Penjawat Awam
- ii. Unifi Mobile Postpaid Terms and Conditions;
- iii. General Campaign Terms and Conditions;
- iv. Terms of Use.

[Tamat Terma dan Syarat]